

07/10/1997

Jepun ikrar bantu Asean atasi defisit

SUBANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan ikrar Jepun untuk membantu mengatasi masalah defisit akaun semasa negara-negara Asean.

Menurut Perdana Menteri, bukan Malaysia sahaja mengalami keperitan daripada krisis mata wang dan pasaran saham, tetapi rakan-rakannya dalam Asean seperti Indonesia, Filipina dan Thailand, turut terjejas teruk.

Ekoran serangan spekulatif terhadap mata wang Asean bermula dengan baht Thailand, tiga mata wang lain - ringgit, rupiah dan peso - juga susut nilai dengan ketara berbanding mata wang utama lain, menjadikan import mereka semakin mahal.

Jepun dijangka memberikan butir terperinci mengenai ikrarnya untuk membantu Asean pada Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) yang akan diadakan di Kuala Lumpur minggu depan.

Jepun menawarkan langkah-langkah meningkatkan importnya dari negara Asean melalui kaedah menginsuranskan urusan niaga perdagangan rantau ini dengan firma-firma Jepun.

Menurut laporan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun Mitsuo Horiuchi akan mencadangkan jaminan hutang di bawah insurans perdagangan kementeriannya bukan saja boleh diguna pakai bagi syarikat Jepun tetapi juga rakan kongsi tempatan mereka dalam projek usaha sama.

Di bawah skim yang dicadangkan itu, Jepun akan menjamin pinjaman yang dibuat firma Asean dan syarikat Jepun berhak menuntut jaminan hutang tersebut. - Bernama

(END)